

29 SEP 2003

Langkawi-Persiapan

PULAU LAGENDA LANGKAWI SUDAH SEDIA UNTUK LIMA 2003

LANGKAWI, 29 Sept (Bernama) - Persiapan akhir edisi ketujuh Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA 2003) sampai kemuncak hari ini dengan para peserta sudah bersiap sedia apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan pameran terbesar di rantau ini esok.

Dr Mahathir dijadual merasmikan pameran udara di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Mat Sirat di sini pada pukul 10 pagi dan pameran maritim pada sebelah tengah hari di atas Pavilion Terapung di Porto Malai di Ketawang, kira-kira 10km dari Padang Mat Sirat.

Semasa LIMA 2003, Perdana Menteri juga dijangka melancarkan "Langkawi Yacht Registry" yang akan menjadikan pulau tersebut sebagai pusat pendaftaran kapal layar di Malaysia.

Sejak dimulakan pada tahun 1991 dengan penyertaan 150 syarikat, pameran dwitahunan itu berkembang pesat sebagai pertunjukan udara dan maritim utama serantau dengan menarik pemain utama dalam industri udara dan maritim.

LIMA 2003 merupakan yang terbesar dan paling menarik sekali berdasarkan penyertaan 600 syarikat dari 28 negara berbanding 500 syarikat dari 27 negara pada pameran yang lepas pada 2001.

Para pengunjung kali ini dapat menikmati persembahan aerobatik mengagumkan oleh pasukan Red Arrows dari Britain dan pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) serta persembahan pesawat SU-30MK Sukhoi buatan Russia dan Boeing FA-18E/EF Super Hornet.

Tarikan lain termasuk persembahan payung terjun oleh kira-kira 200 anggota Pasukan Gerak Pantas Malaysia dengan menggunakan dua helikopter jenis Hercules C130.

Di samping pameran, LIMA juga akan menyaksikan pemeteraian beberapa perjanjian bernilai ratusan juta ringgit untuk pembelian pesawat dan peralatan elektronik pesawat.

Pasukan Red Arrows, yang berada di Langkawi untuk kali keenam, menyifatkan LIMA sebagai pameran udara paling penting dalam kalendar mereka.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata penganjuran LIMA telah menonjolkan Langkawi di peta dunia di samping membantu Malaysia mempercepatkan proses pemodenan sistem pertahanan negara.

-- BERNAMA

MAD NER AHH DC RHM